

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS DAERAH PONTIAN, JOHOR

OLEH

SITI IDA BINTI MUR

Sarjana Muda Pengurusan (Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

1100039842

LI 84 FPE 1 2005



1100039842

Laporan akhir latihan industri di Majlis daerah Pontian, Johor.
Siti Aida Muri.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039842		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS DAERAH PONTIAN, JOHOR

OLEH

SITI AIDA BINTI MURI
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)


2005

1100039842

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **Siti Aida Binti Muri (UK 8165)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut

Tandatangan



Nama: Siti Aida Binti Muri (UK 8165)

Tarikh: 13 Oktober 2005

Disahkan Oleh:

Puan Ruzaini Binti Sulaiman
Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan Ekonomi
KUSTEM

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.r

Alhamdulillah setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menamatkan Latihan Industri ini selama 12 minggu dengan jayanya. Sepanjang latihan industri ini banyak yang telah saya perolehi bukan sahaja kerja sambil belajar, malahan dapat menimba ilmu, pengalaman, tunjuk ajar daripada staf-staf, dan pengetahuan yang mungkin saya akan praktikkan pada masa akan datang terutama dalam bidang kerja kelak.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih kepada Unit Pentadbiran khususnya kepada Tuan Setiausaha En. Abd Rahman Bin Salleh, Penyelia saya di Majlis Daerah Pontian Pn. Junaidah Bte Kamal yang sudi menerima saya sebagai pelajar praktikal. Sepanjang berkhidmat di unit ini banyak yang pengalaman, pengetahuan dan ilmu yang dicurahkan kepada saya. Tunjuk ajar, teguran dan sebagainya akan saya gunakan di masa akan datang. Tidak ketinggalan buat staf-staf lain tidak kira di Unit Pentadbiran ini mahupun di unit-unit lain. Sokongan mereka telah membantu perjalanan Latihan Industri saya berjalan dengan baik.

Penghargaan buat Penyelia Latihan Industri iaitu Puan Ruzaini Binti Sulaiman yang juga merupakan pensyarah di KUSTEM di atas tunjuk ajar dan nasihat serta memberi pandangan sebelum, semasa dan selepas Latihan Industri ini dijalankan.

Sepanjang saya menjalankan perkhidmatan saya di Majlis Daerah Pontian sebagai pelajar latihan industri, keluarga saya banyak membantu saya dari segi kewangan, sokongan, nasihat dan banyak lagi. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat mereka, tanpa mereka mungkin saya sukar untuk hadapi semua ini.

Akhir sekali buat teman-teman saya, terutama sekali teman-teman seperjuangan latihan industri di Majlis Daerah Pontian, suka duka kami bersama walaupun kami bukan satu Universiti, namun di Majlis Daerah Pontian kami menjadi kawan yang rapat. Buat teman-teman di KUSTEM, terima kasih segalanya. Semoga kejayaan milik kita bersama.

Sekian salam sayang buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Semoga Tuhan memberkati semua. AMIN.

Isi Kandungan

Tajuk / Bab

Muka Surat

Pengesahan Laporan	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii

Bab 1 : Latar Belakang Organisasi

1.1	Pengenalan	
1.1.1	Sejarah Daerah Pontian	1
1.1.2	Sejarah Ringkas Organisasi	3
1.1.3	Peringkat Pentadbiran Majlis Daerah Pontian	4
1.1.4	Cawangan-cawangan Majlis Daerah Pontian	5
1.2	Maklumat Organisasi	
1.2.1	Objektif Organisasi Majlis Daerah Pontian	7
1.2.2	Piagam Pelanggan Majlis Daerah Pontian	8
1.2.3	Logo Majlis Daerah Pontian	10
1.3	Carta Organisasi Majlis Daerah Pontian	11
1.3	Bahagian Unit Majlis Daerah Pontian	
1.3.1	Pentadbiran	12
1.3.2	Penilaian & Pengurusan Harta	13
1.3.3	Kejuruteraan & Pembangunan	14
1.3.4	Kebersihan	16
1.3.5	Perlesenan	17
1.3.6	Kewangan	17
1.3.7	Perancangan Bandar & Landskap	18
1.4	Aktiviti Sampingan	
1.4.1	Majlis Membudayakan Al-Quran	21
1.4.2	Perhimpunan Awal Bulan	22
1.4.3	Pertandingan Memancing	22
1.4.4	Program Senaman J-Robik	23
1.4.5	Kursus Induksi	25
1.4.6	Kelab Keroncong	25
1.5	Hasil Kemahiran Yang dipelajari	
1.5.1	Kemaskini Rekod Perkhidmatan	26
1.5.2	Penghantaran surat Dalaman & Luaran	27
1.5.3	Kemaskini Senarai Tugas	28

1.5.4	Pelajari Urusan Pencen Kakitangan	29
1.5.5	Pengrekrutan Pekerja	30
1.5.6	Sistem Komputer Bahagian Penilaian	32

Bab 2 : Pengenalpastian Masalah Dan Cadangan Penyelesaian

2.1	Pengenalan	
2.1.1	Sistem Sedia Ada di Pentadbiran	
2.1.1.1	Sistem SISPEN	35
2.1.1.2	Sistem Pembahagian Tugas	35
2.1.1.3	Sistem Pengkomputeran	36
2.1.1.4	Penerimaan Aduan Pelanggan	36
2.1.1.5	Sistem Docket	36
2.1.2	Sistem Sedia Ada Di Bahagian Penilaian	
2.1.2.1	Sistem Kadar Taksiran Cukai	37
2.2	Pengenalpastian Masalah	
2.2.1	Sistem SISPEN	38
2.2.2	Sistem Pembahagian tugas	38
2.2.3	Sistem Pengkomputeran	39
2.2.4	Sistem Kadar Taksiran Cukai	39
2.3	Rumusan	39

Bab 3 : Analisis Masalah Perbincangan Keseluruhan Penemuan

3.1	Pengenalan	41
3.2	Rumusan	41
3.2.1	Kekuatan Majlis Daerah Pontian	41
3.2.2	Kelemahan Majlis Daerah Pontian	43
3.2.3	Peluang Majlis Dearah Pontian	44
3.2.4	Ancaman Majlis Daerah Pontian	45
3.3	Cadangan Penyelesaian	46
3.4	Pengharapan Pelatih	49
3.5	Rumusan	51

Rujukan	54
---------	----

Lampiran

BAB 1

LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 Pengenalan

Majlis Daerah merupakan satu komponen di dalam struktur pentadbiran awam yang telah sekian lama berfungsi dengan berkesan di peringkat akar umbi pentadbiran dan pembangunan Negara kita. Peranan Majlis Daerah telah dijawab dengan kejayaan cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab dan sentiasa peka terhadap perubahan dan keperluan masyarakat dan negara. Matlamat negara kini ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020, memerlukan jentera pentadbiran daerah yang cekap bagi menyokong kepesatan pembangunan dan menyokong cita-cita negara. Sehubungan dengan itu, Majlis Daerah perlu mengekalkan kecemerlangan prestasi dan terus menjadi penggerak utama proses pembangunan negara serta mempertahankan imej “Profession of Responsibilities” yang telah diberikan.

1.1.1 Sejarah Ringkas Daerah Pontian

Nama Pontian dipercayai berasal daripada perkataan PERHENTIAN yang bermaksud tempat persinggahan yang mana pada zaman dahulu sebagai tempat persinggahan bagi kapal-kapal dan perahu yang menggunakan Selat Melaka sebagai jalan perhubungan antara Melaka dan Singapura. Terletak di Pantai Barat negeri Johor, bersempadankan Daerah Kluang dan Johor Bahru di bahagian Timur, Daerah Batu Pahat di Barat Laut dan Selat Melaka di Baratnya.